



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

MENTERI KANAN MITI UMUM PENGUBALAN RANGKA KERJA ESG KEBANGSAAN BAGI SEKTOR PEMBUATAN SELARAS DENGAN STATUS PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU SIFAR BERSIH MALAYSIA MENJELANG 2050

Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali telah mempengerusikan sesi Dialog MITI 2022 pada 25 Ogos 2022 yang menyaksikan perbincangan dan bertukar pandangan bersama wakil-wakil perniagaan, persatuan industri Malaysia serta dewan perniagaan kebangsaan dan antarabangsa berkenaan strategi serta mencari penyelesaian yang terbaik dalam membangun ekosistem perdagangan dan pelaburan negara.

Dalam ucapan pembukaan, Dato' Seri Azmin menzahirkan keseluruhan pencapaian MITI dari segi prestasi pelaburan dan perdagangan antarabangsa dan tiga fokus utama MITI dalam tempoh terdekat untuk mengekalkan daya saing negara, iaitu, perdagangan dan pembangunan mampan, daya tahan rantaian bekalan dan pembangunan modal insan.

Semasa sesi libat urus, Menteri Kanan telah mengumumkan mengenai pengubalan rangka kerja alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*Environmental, Social, Governance*) kebangsaan bagi sektor pembuatan selaras dengan status pelepasan gas rumah hijau sifar bersih (*net zero green-house gas emissions*) Malaysia menjelang 2050.

MITI akan menyediakan satu kerangka kerja untuk mengarusperdanakan elemen ESG dalam pembangunan sektor pembuatan yang akan merangkumi empat perkara utama iaitu, standard ESG, sokongan kewangan dan insentif, pembinaan keupayaan serta mekanisma pasaran seperti kredit karbon dan harga karbon.

Ia akan dirangka berdasarkan konsultasi dan libat urus dengan pemegang taruh tempatan mahupun antarabangsa, yang terlibat dalam sektor pembuatan, kawal selia dan kewangan. Kemajuan kerangka kerja tersebut adalah bergantung kepada peringkat pencapaian dalam libat urus dan kolaborasi bersama pemegang taruh.

“Seiring dengan matlamat Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA), MITI akan memperhebatkan fokus kepada sektor seperti ekonomi digital, E&E, farmaseutikal, kimia dan aeroangkasa yang mempunyai potensi ekonomi yang signifikan dan manfaat jangka panjang yang mampan,” menurut Dato’ Seri Azmin.

Acara dialog tahunan ini merupakan inisiatif MITI melalui pendekatan perundingan terhadap pihak berkepentingan dalam membantu merangka dan mengkaji semula dasar-dasar untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara melalui peningkatan perdagangan antarabangsa, pembangunan industri yang mampan dan pelaburan berkualiti. Sesi dialog ini meraih penglibatan lebih 12 kementerian dan 151 pertubuhan dalam menghasilkan suatu perbicangan yang amat produktif. MITI telah menerima 96 memorandum yang merangkumi 24 kategori daripada sejumlah 396 isu yang dikemukakan bersama dengan usul untuk pertimbangan Kerajaan.

“Manakala kuasa inflasi global di luar kawalan, Kerajaan bertekad demi memastikan kemajuan produktiviti dan daya saing. Dengan komitmen dan keyakinan, faktor-faktor ini merupakan tunjang ke arah kejayaan,” tambah Dato’ Seri Azmin.

Berkenaan pekerja asing, Menteri Kanan menegaskan bahawa industri Malaysia perlu mencari penyelesaian jangka panjang ke arah menangani masalah kebergantungan kepada tenaga kerja berkemahiran rendah. Beliau juga menggesa sektor pembuatan, khususnya PKS, untuk terus melabur dan menggunakan teknologi pembuatan termaju untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

MITI kekal komited untuk bekerjasama dalam menangani cabaran ke arah pemulihan ekonomi Malaysia dan kedudukan yang lebih kukuh sebagai negara perdagangan global.

Beberapa cadangan yang diketengahkan dalam Dialog MITI akan dipanjangkan MITI untuk pertimbangan Kementerian Kewangan dalam pengubalan Belanjawan 2023.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

26 OGOS 2022

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel : +603-6200 0082

Faks : +603-6206 4293

E-mel : alluks@miti.gov.my